



BIL.2/2023

Bingkisan

MENARA CONDONG

EDISI JULAI 2023 - DISEMBER 2023



CUB PRIX MALAYSIA 2023

PUSINGAN 6 (TELUK INTAN)

Buletin ini diterbitkan oleh
**BAHAGIAN KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN AWAM (PRO),
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**
Jalan Speedy , 36000 Teluk Intan

05-622 1299

05- 621 5504

05-621 2446

<http://www.mpti.gov.my>

Aduan Awam :
<http://mpti.spab.gov.my>

admin@mpti.gov.my

[mptelukintan](https://www.facebook.com/mptelukintan)

twitter.com/MPTI18

[majlis_perbandarantelukintan](https://www.instagram.com/majlis_perbandarantelukintan)



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

En. Mohd Hizaz Bin Mohd Ibrahim, AMP.
Yang Dipertua

PENASIHAT

Pn. Ramdhatun Ajma Binti Jemail
Setiasaha

EDITOR

En. Megat Amerudin Bin Megat Danian, PPT.
Ketua Bahagian Komuniti Dan Perhubungan Awam(PRO)

PEREKA GRAFIK

Pn. Norazrin Binti Saian

JURUGAMBAR

En. Mohamad Khairul Anuar Bin Mohamad Nor
Cik Kanchna Subramaniam

AHLI JAWATANKUASA

Pn. Nur Fatin Syakinah Bt Che Embi

En. Mohammad Zakariyya Bin Bura

En. Mohd Azmir Bin Arifin

Pn. Nur Ain Zubaidah Binti Abdullah Sani

Pn. Zanariyah Binti Ismail

Pn. Azlina Bt Md Demyadi

Cik Ros Liyanna Shah Bt Rosukri

En. Mohd Ashraf Bin Hamidi

En. Muhamat Nazrin Bin Radulan

En. Mohamad Izzat Bin Mohd Twa

En. Muhammad Shukri Bin Ya Rahim



KEJUARAAN PETRONAS MALAYSIAN CUB PRIX MALAYSIA 2023 PUSINGAN 6

AHAD, 03 SEPTEMBER 2023 - Kejuaraan Petronas Malaysian Cub Prix Pusingan Ke-6 telah berlangsung di Litar Speedy Teluk Intan. Turut hadir bagi menyaksikan perlumbaan dan menyampaikan hadiah ialah YB Puan Sandra Ng Shy Ching (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan), YB Encik Khairudin Abu Hanipah (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia Dan Sukan), YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim Yang Dipertua MPTI, YB Puan Wasanthee Sinnasamy (ADUN Hutan Melintang).

Turut hadir sama Puan Ramdhatur Ajma Jemal Setiausaha MPTI, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Ketua-Ketua Jabatan Daerah, serta Pengarah Jabatan MPTI.





PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

PETRONAS
Cupa Prix
www.prix.com
siancu.com

4

Majlis Sambutan MALAM AMBANG MERDEKA 2023 PERINGKAT DAERAH HILIR PERAK

RABU, 30 OGOS 2023 - Lebih 3,000 orang telah membanjiri Dataran Menara Condong, Teluk Intan sempena Sambutan Ambang Kemerdekaan Peringkat Daerah Hilir Perak 2023 seawal jam 8.00 malam.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan, YBrs. Tuan Zairul Akmal Kasim turut menghadiri sambutan itu pada jam kira-kira 10.00 malam diiringi Ketua-Ketua Jabatan Daerah Hilir Perak.

Sambutan itu dimulakan dengan Persembahan Tarian Melayu, Persembahan Tarian Cina, Tarian Klasik India, Deklamasi Puisi, Persembahan Seruling, "Classical Music Performance", Persembahan Koir MPTI, Persembahan Double Trouble MPTI & PDRM dan Tayangan Klip Video Merdeka.

Majlis dimeriahkan dengan acara kemuncak iaitu pengiraan detik 12 tengah malam dan laungan ambang merdeka serta pertunjukan bunga api sambil mengibarkan Jalur Gemilang diiringi nyanyian lagu-lagu Patriotik.

Diantara tetamu kehormat yang hadir pada program ini adalah YB Ahli Parlimen Pasir Salak, YB ADUN Changkat Jong, Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan, Wakil ADUN Pasir Bedamar, Ketua-Ketua Jabatan Daerah, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Pengarah Jabatan MPTI dan orang awam.







KHAMIS, 31 OGOS 2023 - MPTI telah berjaya menjadi Johan dalam Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan bagi kategori Bangunan Kerajaan/Swasta yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Perak (JAPEN).

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Jamuan Teh dan Penyampaian Hadiah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2023 Negeri Perak Darul Ridzuan.



Turut berangkat, DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim serta putera baginda, YTM Raja Kecil Besar Perak Darul Ridzuan, Raja Dato' Seri Azlan Muzaffar Shah ibni Sultan Nazrin Muizzuddin Shah; DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Raja Nazhatul Shima Binti Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah dan DYAM Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Turut hadir dalam majlis itu adalah YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad bersama isteri, YABhg. Datin Seri Aezer binti Zubin; YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi Haji Zainuddin (Bersara); Yang Di-Pertua Dewan Negeri Perak, Dato' Mohammad Zahir Dato' Abdul Khalid; YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim dan ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.



Program Fiesta

KOMUNITI BAGAN DATUK & MPTI

HARI SUKAN NEGARA

PERINGKAT DAERAH BAGAN DATUK 2023



SABTU, 14 OKTOBER 2023 - Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) Fiesta Komuniti Bagan Datuk telah diadakan di Dataran Bagan Datuk. Program tersebut telah dirasmikan oleh Datuk Hj. Khairuddin Hj. Tarmizi mewakili YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Bagan Datuk.



Program tersebut dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti-aktiviti menarik sepanjang program tersebut berlangsung. Seramai 3000 orang mula membanjiri Dataran Bagan Datuk seawal jam 6.30 pagi untuk menyertai program yang berlangsung.

Hadir sama Pegawai Daerah Bagan Datuk Tuan Muhammad Ghopran Yeop Hamzah, YB Dato' Shahrul Zaman Yahya, ADUN Rungkup, YB Puan Wasanthee Sinnasamy, ADUN Hutan Melintang, Tuan Mohd Zainal Mohd Nor, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kesejahteraan Komuniti KPKT, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Ketua Jabatan Daerah, Pengarah Jabatan MPTI dan seluruh warga Daerah Bagan Datuk.



Majlis Pelancaran

PROGRAM PERAK SEJAHTERA 2030 DI BAWAH FLAGSHIP PEMERKASAAN KOMUNITI

KEMPEN **KEBERSIHAN ALAM SEKITAR** & **ELAKKAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK SEKALI GUNA**

JUMAAT, 15 DISEMBER 2023 -

Majlis Pelancaran Program Perak Sejahtera 2030 di Bawah Flagship Pemerkasaan Komuniti Kempen Kebersihan Alam Sekitar & Elakkan Penggunaan Beg Plastik Sekali Guna telah berlangsung di Arena Square Teluk Intan. Dengan kehadiran seramai 800 orang peserta daripada semua Agensi/Jabatan/NGO/KRT/JPKK dari Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Objektif program ini adalah untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan kelestarian alam terutamanya yang melibatkan generasi muda tentang kesedaran kebersihan alam sekitar dan ancaman plastik sekali guna kepada persekitaran termasuk kawasan perairan dan program ini secara tidak langsung dapat menjadikan komuniti sebagai penggerak utama dalam kempen tersebut.

Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Tuan Woo Kah Leong (Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina Merangkap ADUN Pasir Bedamar). Ia turut dihadiri Yang Dipertua MPTI YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim, Pegawai Perpaduan Daerah Hilir Perak, Pegawai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan, Pegawai Tadbir Agama Hilir Perak, Setiausaha MPTI YBrs Puan Ramdhatun Ajma Jemail, Ahli Majlis MPTI dan Pengarah Jabatan MPTI.

Dalam program yang sama turut diadakan majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Video Pendek Tiktok Sempena Kempen Kesedaran Kebersihan Alam Sekitar. Seramai 40 penyertaan daripada pihak sekolah Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk yang telah mendaftar dalam pertandingan ini dan 10 peserta telah berjaya memenangi pertandingan ini.



PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

Sempena Kempen Kesedaran Kebersihan Alam Sekitar



Program
**PEMULIHARAAN
POKOK
BAKAU**
DI SUNGAI PERAK
DI BAWAH LOCAL AGENDA 21 (LA21)



SABTU, 23 SEPTEMBER 2023 - Program Pemuliharaan Pokok Bakau/Berembang di Sungai Perak di bawah Local Agenda 21 (LA21) telah dilaksanakan dengan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan/Agensi/NGO di Daerah Hilir Perak.

Dalam pada yang sama turut diadakan Perarakan Bot Merdeka dan Program Gotong-Royong di Sungai Perak. Program dirasmikan oleh YBhg Dato' Haji Meor Redwan Mahayudin, Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Turut hadir YBrS Tuan Saidi Shaari, Pegawai Daerah Hilir Perak, Setiausaha MPTI Puan Ramdhatun Ajma Jemail, Ketua-Ketua Jabatan Daerah, Ahli Majlis MPTI, Pengarah Jabatan MPTI, Pelajar Kolej Vokasional Teluk Intan, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Persatuan Pengail Daerah Hilir Perak, Persatuan Nelayan Daerah Hilir Perak dan Pengerusi Persatuan Paya Bakau Pasir Panjang Laut (ECOMY).

Untuk makluman, Local Agenda 21 (LA21) ialah suatu program yang melibatkan kerjasama pihak kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mampan dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.



Majlis Perasmian JAMBATAN SULTAN NAZRIN SHAH

SABTU, 7 OKTOBER 2023 – Projek Jambatan Bagan Datuk telah dimasyurkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Jambatan Bagan Datuk kini dikenali sebagai Jambatan Sultan Nazrin Shah.

Majlis perasmian tersebut telah dihadiri oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri; YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan; YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, YB Menteri Kerja Raya, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan.



Projek Jambatan Sultan Nazrin Shah ini adalah mercu tanda kepada Daerah Bagan Datuk yang telah diwartakan secara rasminya sebagai daerah ke-12 di Negeri Perak pada 9 Januari 2017. Objektif utama projek ini adalah sebagai akses pengangkutan utama kepada pengguna,

dengan masa perjalanan yang lebih singkat dari Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah ke Bagan Datuk. Jajaran projek ini adalah sepanjang 10.5 km dan Jambatan Sultan Nazrin Shah dibina merentasi Sungai Perak.





Program **PENYERAHAN** **HUB PENGUMPULAN** **KITAR SEMULA**

KEMPEN KESEDARAN INSENTIF HIJAU (3R)

11-12 SEPTEMBER 2023: Majlis Penyerahan Hub Pengumpulan Kitar Semula Kempen Kesedaran Insentif Hijau (3R) di bawah Local Agenda 21 (LA21) telah berlangsung di empat buah sekolah iaitu:

- Sekolah Kebangsaan Dato' Laksamana Raja Mahkota
- Kolej Vokasional Teluk Intan
- Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari
- Sekolah Kebangsaan Dato' Yahya Suban

Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPTI YBrS Tuan Zairul Akmal Kasim dan Setiausaha MPTI YBrS Puan Ramdhatun Ajma Jemil. Sekolah-sekolah ini telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria tertentu untuk melaksanakan program kitar semula di kawasan sekolah. Hadir sama Ahli Majlis MPTI, Pengarah Jabatan MPTI dan kakitangan pihak sekolah yang terlibat.



Sesi Taklimat

PROGRAM TRANSFORMASI PASAR MALAM & PEMBERIAN KHEMAH KEPADA PENIAGA-PENIAGA PASAR MALAM TAMAN MELOR 3

02 OGOS 2023 (RABU) - Sesi taklimat program transformasi pasar malam dan pemberian khemah kepada peniaga-peniaga pasar malam Taman Melor 3 telah diadakan di Dewan Bandaran MPTI.

Sesi penyerahan khemah kepada 43 orang peniaga Taman Melor 3 telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPTI, Tuan Zairul Akmal Kasim. Sesi taklimat Program Transformasi Pasar Malam telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPTI. Hadir sama Setiausaha MPTI, Puan Ramdhatun Ajma Jemail, Ahli Majlis MPTI, Pengarah Jabatan dan wakil Ketua Jabatan MPTI.



ENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN CAWANGAN TELUK INTAN PERAK DARU



OPERASI BERSEPADU MPTI BERSAMA KPND CAWANGAN TELUK INTAN

27 JULAI 2023 (KHAMIS) – Satu Operasi Bersepadu MPTI bersama KPND Cawangan Teluk Intan telah diadakan di Pasar Besar Teluk Intan. Dengan kekuatan anggota 11 orang daripada MPTI dan KPND berjaya dilaksanakan bagi memantau kawalan harga bahan mentah dan pemantauan alat penimbang yang telah tamat tempoh oleh pihak KPND serta syarat lesen dan kebersihan gerai oleh pihak MPTI.

Operasi tersebut dijalankan bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari yang meliputi gerai ayam, gerai daging dan gerai runcit. Pihak MPTI menyarankan supaya peniaga-peniaga di kawasan Pasar Besar Teluk Intan dapat menjaga tahap kebersihan di kawasan Pasar Besar dan juga premis masing - masing.



KEJOHANAN TENPIN BOWLING

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

JUMAAT, 15 DISEMBER 2023 - Kejoohan Tenpin Bowling anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Teluk Intan telah diadakan di Esplanade Bowl Kampung Koh Setiawan Perak.

Turut hadir oleh Yang Dipertua MPTI, YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim selaku Penaung Kelab Sukan dan Kebajikan MPTI, Setiausaha MPTI Puan Ramdhatun Ajma Jemal, serta barisan kakitangan Majlis Perbandaran Teluk Intan.



NATIONAL PLASTIC BUSTERS BEACH-RIVER-PARK CLEAN-UP 2023

08 JULAI 2023 (SABTU) – Program National Plastic Busters Beach-Beach-River-Park Clean Up 2023 telah berjaya dijalankan oleh Persatuan Pandu Puteri Malaysia dengan kerjasama Majlis Perbandaran Teluk Intan Cawangan Bagan Datuk di sekitar kawasan Dataran Bagan Datuk.

Program tersebut telah dianggotai lebih 50 orang termasuk warga pendidik oleh persatuan tersebut. Selain itu, terdapat juga aktiviti pengumpulan barangan kitar semula dan hasil seni "Collage Maker" daripada kutipan barangan kitar semula yang dikumpulkan.



LAWATAN PENANDA ARAS SAGA MPTI ke MD KERIAN

ISNIN, 16 OKTOBER 2023 - Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) yang diketuai oleh Puan Ramdhatun Ajma Jemail, Setiausaha MPTI dan tiga orang kakitangan dari Jabatan Perbendaharaan dan Teknologi Maklumat, telah mengadakan lawatan ke Majlis Daerah Kerian (MDK) bersempena lawatan penanda

aras SAGA bagi tujuan pematuhan pengiktirafan Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA) yang disambut baik oleh Puan Norhafisah Mohamad, Setiausaha MDK dan Tpr. Haji Anas Dollah, Ketua Jabatan Perancang Bandar dan Landskap MDK meraikan kunjungan para pegawai MPTI.



Sesi lawatan ini bertujuan bagi berkongsi pengalaman dan elemen berkaitan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang digunapakai oleh MDK seperti yang telah digariskan melalui surat pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 tahun 2018. Kerajaan memutuskan bahawa sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang diguna pakai oleh agensi kerajaan perlu mematuhi SAGA.





20 OGOS 2023 (AHAD) - Gotong-royong Zon 9 telah diadakan dengan jayanya anjuran Ahli Parlimen Teluk Intan dan ADUN Pasir Bedamar dengan kerjasama MPTI. Lokasi yang terlibat adalah Taman Teluk Intan, Taman Antek Avenue dan Taman Zahari Zabidi.

Hadir sama menyertai program tersebut Yang Dipertua MPTI, Tuan Zairul Akmal Kasim, Ahli Majlis MPTI dan Pegawai-Pegawai MPTI.

Gotong ROYONG ZON 9 2023



27 OGOS 2023 (AHAD) - Gotong-royong Wabak Denggi di Taman Perwira dan Taman Pelangi Langkap berjaya dijalankan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Hilir Perak, Agensi-Agensi Daerah Hilir Perak dan warga komuniti di kawasan tersebut.

Fokus utama gotong-royong Wabak Denggi di Taman Perwira dan Taman Pelangi Langkap adalah melibatkan pembersihan kawasan tanah lapang, cucian longkang dan sebagainya. Yang Dipertua MPTI Tuan Zairul Akmal Kasim turut hadir dan menyertai program gotong-royong tersebut.

GOTONG-ROYONG MENANGANI WABAK DENGGI DI TAMAN PERWIRA & TAMAN PELANGI LANGKAP



HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA 2023 DAN MENYAMPAIKAN PENGIKTIRAFAN KEMPEN PREMIS MAKANAN BERSIH PBT MEDAN SELERA PADANG SPEEDY TELUK INTAN

SELASA, 17 OKTOBER 2023 - YB KM Nga Kor Ming, Menteri KPKT telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Kesehatan Persekitaran Sedunia (SHKPS) Tahun 2023 dan telah menyampaikan pengiktirafan Kempen Premis Makanan Bersih PBT Medan Selera Padang Speedy MPTI kepada Setiausaha MPTI YBr Puan Ramdhatun Ajma Jemail yang bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada petang ini.

Majlis SHKPS 2023 turut memberi pengiktirafan kepada PBT yang cemerlang dalam pelaksanaan kempen-kempen kesihatan persekitaran anjuran KPKT bagi tahun 2022 dan 2023 serta Pertandingan Pengiktirafan Medan Selera Bersih di Kawasan PBT Tahun 2023.



Kempen ini melibatkan 5 sub program utama Kesihatan Persekitaran iaitu Kempen Pencegahan Denggi atau Membasmi Wabak Hotspot Denggi di Kawasan PBT, Kempen Membasmi Tikus, Kempen Premis Makanan Bersih, Kempen Pasar Awam Bersih dan Kempen Tandas Awam Bersih.



LAWATAN PENANDA ARAS **EKSA** DARI UITM CAWANGAN PERAK KE MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

KHAMIS, 20 JULAI 2023 - Lawatan Penanda Aras EKSA dari UITM Cawangan Perak ke Majlis Perbandaran Teluk Intan diketuai oleh Dr. Lizawati Abdullah.



LIGA SUKAN KOMUNITI DAERAH HILIR PERAK

SABTU, 5 OGOS 2023 – Liga Sukan Komuniti Daerah Hilir Perak bagi pertandingan Futsal telah diadakan di Arena Square Teluk Intan. Yang Dipertua MPTI, Tuan Zairul Akmal Kasim telah hadir bagi merasmikan Sukan Komuniti Futsal Daerah Hilir Perak dan turut menyampaikan hadiah kepada pemenang. Tahniah kepada Team MPTI Kumpulan A kerana telah merangkul juara dalam Liga Sukan Komuniti Futsal Daerah Hilir Perak tersebut.



OPERASI PEMANTAUAN LESEN PERNIAGAAN

KHAMIS, 13 JULAI 2023 - Tindakan operasi bersama Bahagian Pelesenan MPTI dan Bahagian Penguatkuasaan MPTI telah diadakan di kawasan Zon Teluk Intan. Sebanyak 4 premis yang telah diperiksa dan 2 kompaun dari bahagian pelesenan serta 1 kompaun dari Bahagian Penguatkuasa telah dikeluarkan kerana menjalankan perniagaan menjual perabot tanpa lesen.



OPERASI PENGUATKUASAAN PREMIS MAKANAN

SELASA, 8 OGOS 2023

- Operasi Penguatkuasaan premis makanan bermula jam 9 pagi hingga 1 tengahari di Zon Langkap. Operasi ini diketuai oleh Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran, En. Azmir Ariffin.

Sebanyak 16 kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan tidak mematuhi syarat pemakaian pengendali makanan, tiada lesen MPTI, membuang sisa makanan & minyak dalam longkang, longgokan sampah ditempat awam, meja/gerai tiada permit kaki lima.



OPERASI BUNTING/BANNER HARAM

RABU, 2 OGOS 2023 - Operasi banting haram telah dijalankan di kawasan Jalan Padang Tembak, Jalan Sultan Abdullah dan Bandar Baru Teluk Intan oleh Bahagian Penguatkuasa MPTI. Dalam operasi tersebut Bahagian Penguatkuasa berjaya menurunkan 90 unit banting dan 2 unit kain rentang di dalam kawasan operasi pentadbiran MPTI.



TURUN PADANG

Yang Dipertua MPTI



SABTU, 5 OGOS 2023 - Yang Dipertua MPTI Tuan Zairul Akmal Kasim bersama 25 orang anggota MPTI turun padang bagi menjalankan Kempen Kebersihan Pasar Malam dan kawasan sekitar operasi pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan. Operasi yang dimulakan pada jam 5.30 petang dan berakhir pada jam 11.00 malam mendapat respon yang positif daripada kalangan pengunjung yang hadir.



Pelaksanaan kempen ini adalah seiring dengan visi Majlis Perbandaran Teluk Intan iaitu 'Bersih Mampan dan Sejahtera' merupakan salah satu aspek bagi meningkatkan kesedaran dan tindakan masyarakat terhadap kebersihan di tempat awam.



Hadir sama Setiausaha MPTI Puan Ramdhatun Ajma Jemail, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Pn. Siti Norafah, Pengarah Khidmat Pengurusan En. Noor Hafiz Arifin, Ketua Cawangan Bagan Datuk En. Amir Khalid dan Ketua Bahagian Korporat MPTI, En. Megat Amerudin Megat Danian bersama-sama menyertai kempen tersebut.



PROGRAM **KONVOI** MOTOSIKAL MADANI SOLIDARITI PALESTIN TEAM RIDER MPTI KE Teluk Batik



SABTU, 9 DISEMBER 2023 – Kelab Sukan & Kebajikan MPTI telah mengadakan Program Konvoi Motosikal Madani Solidariti Palestin ke Teluk Batik. Program konvoi telah diketuai oleh YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim, Yang Dipertua MPTI. Seramai lebih 80 orang anggota kakitangan MPTI yang telah menyertai konvoi ini.



Sesi Lawatan Kunjung Hormat YANG DIPERTUA MPTI

KHAMIS, 7 DISEMBER 2023 - Sesi lawatan kunjung hormat telah diadakan oleh Yang Dipertua MPTI, YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim dan disambut baik oleh Dr. Khairul Baharin Mohd Baharuddin, Pengarah Hospital Teluk Intan serta barisan kepimpinan HTI. Turut hadir Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPTI, En. Noor Hafiz Mohd Arifin.

HOSPITAL TELUK INTAN



RABU, 20 DISEMBER 2023 - Yang Dipertua MPTI, YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim telah membuat lawatan ke Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Teluk Intan. Lawatan tersebut telah disambut baik oleh Pegawai AADK Hilir Perak Puan Najmiah Hanafi. Ia turut

dihadiri oleh Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, En. Noor Hafiz Mohd Arifin.

AADK HILIR PERAK



Pertemuan dua hala ini bertujuan membincangkan dan memperkukuhkan kerjasama strategik di antara dua agensi juga menjadi platform perkongsian pendapat serta pandangan antara Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK Hilir Perak).



PEMASANGAN **my**PATIL LESEN PREMIS DIGITAL

Apa itu?



merupakan inisiatif pendigitalan yang diperkenalkan kepada semua peniaga berpremises di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan. Inisiatif ini menggantikan sistem kertas dan patil lesen sedia ada kepada bentuk lesen premis digital.

TRANSFORMASI PENDIGITALAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN

- 1 Pemasangan peranti *Internet of Things* (I.o.T) di premis-premis perniagaan.
- 2 Capaian maklumat lesen premis dan urusan berkaitan di hujung jari melalui penggunaan telefon pintar.
- 3 Pengurusan perniagaan harian yang pantas, mudah dan selamat.

4,000 PREMIS
BAKAL MENIKMATI
FAEDAH
myPATILBiz

SEMUA INI DI HUJUNG JARI ANDA
MELALUI PELAKSANAAN



LIHAT MAKLUMAT, MUAT TURUN & KONGSI LESEN PREMIS DIGITAL ANDA



NOTIFIKASI LESEN TAMAT TEMPOH, KOMPAN DAN NOTIS



DIREKTORI PERNIAGAAN DIGITAL



PERANTI LESEN PREMIS DIGITAL



Makluman kepada Pelesen

- 1 Lesen Premis Digital adalah tanggungjawab pelesen.
- 2 Lesen Premis Digital tidak boleh ditanggalkan dan tidak boleh dipindah lokasi.
- 3 Lesen Premis Digital tidak boleh dihilangkan atau dirosakkan.
- 4 Lesen Premis Digital hendaklah boleh diakses setiap masa untuk lawatan dan penguatkuasaan PBT.
- 5 Jika berlaku kehilangan, kerosakkan atau penutupan operasi perniagaan, pelesen wajib memaklumkan kepada PBT.
- 6 Caj akan dikenakan kepada pelesen jika penggantian peranti perlu dilakukan.

3 LANGKAH MUDAH DAFTAR



1

Muat turun aplikasi



IMBAS KOD QR DAN MUAT TURUN



2

Cipta akaun



3

Sedia digunakan

PENDIGITALAN LESEN PREMIS



IMBAS KOD QR
SEKARANG

TRANSFORMASI LESEN PREMIS DIGITAL



Tiada lesen atau lesen tamat tempoh?

LANGKAH 1

Mohon/perbaharui lesen di kaunter Majlis Perbandaran Teluk Intan

LANGKAH 2

Cetak atau tunjuk Kad Jaminan

LANGKAH 3

Muat turun aplikasi selepas lesen lulus/diperbaharui



LESEN DI HUJUNG JARI ANDA

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN:

☎ 05-622 1299

✉ aduan_mypatil@mpti.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

🌐 www.mpti.gov.my

